

14/09/1999

Takrif hak asasi tidak adil: PM

Zulkofli Jamaludin; R Magendran

PETALING JAYA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pendapat mengenai hak asasi kini semakin aneh kerana perbuatan yang menjadikan berjuta-juta penduduk papa atau pembunuhan beramai-ramai tidak lagi dianggap melanggar hak asasi manusia.

Malah, kata Perdana Menteri, tumpuan lebih diberi kepada soal negara membangun yang dianggap tidak memahami proses perundangan, rasuah serta cenderung meracuni dan merancang untuk menjatuhkan saingan politik, sedangkan pelanggaran hak asasi manusia yang dilakukan secara besar-besaran tidak dipedulikan.

"Dengan menangkap seorang penentang politik, seluruh dunia akan mengutuk kerajaan kerana melanggar hak asasi manusia," katanya ketika merasmikan Persidangan Undang-undang Komanwel Ke-12 di sini, hari ini yang dihadiri kira-kira 1,500 ahli perundangan, termasuk 29 ketua hakim dan 41 hakim.

Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Eusoff Chin dan Presiden Majlis Peguam Malaysia, R R Chelvarajah, turut hadir pada persidangan empat hari itu.

Perdana Menteri berkata, dunia memang sewajarnya prihatin terhadap pelanggaran hak asasi manusia, tetapi hak asasi kini hanya ditafirif sebagai hak untuk membuat penentangan politik.

"Apa saja bukti yang boleh menunjukkan sesuatu yang berlawanan, maka negara membangun terutama negara bekas tanah jajahan, tidak boleh dianggap sebagai betul melaksanakan keadilan.

"Takrif seumpama bermaksud rakyat mesti dibenar menyuarakan pendapat yang menentang walau dengan apa cara sekalipun, dan jika tindakan menyuarakan pendapat itu menimbulkan ketidakstabilan, rusuhan dan pembunuhan, maka ia terpaksa diterima," katanya.

Dr Mahathir berkata, hakikat bahawa kerajaan melindungi hak berjuta-juta rakyat yang patuh kepada undang-undang menjadi tidak relevan kerana hak untuk penentangan politik itu lebih penting.

Menurutnya, takrif hak asasi manusia sebagai hak untuk membuat penentangan politik bermaksud tiada siapa harus dihukum dengan apa cara sekalipun kerana mempunyai pandangan politik berbeza daripada kerajaan.

Beliau berkata, kerajaan sesebuah negara pula dianggap melanggar hak asasi manusia apabila menafikan hak beberapa orang untuk menentang, manakala peniaga mata wang yang menyebabkan berjuta-juta orang kehilangan pekerjaan dan mata pencarian tidak dianggap melanggar hak asasi manusia.

"Nampaknya pelanggaran hak asasi manusia hanya boleh dilakukan pihak kerajaan, manakala pihak lain boleh menindas berjuta-juta orang tanpa dihukum.

"Disebabkan penindasan manusia terhadap manusia lain tidak dianggap melanggar hak asasi manusia, maka kita tidak akan berbuat apa-apa untuk menghentikannya.

"Begitu juga kita melihat hak peniaga mata wang ditegakkan manakala hak mangsanya yang menderita tidak dipedulikan," katanya.

Malah, kata Dr Mahathir, untuk memaksa pemimpin sesebuah negara yang dianggap diktator menyerah diri, rakyat negara itu dihalang mendapatkan bekalan makanan dan perubahan melalui sekatan yang dikenakan.

Beliau berkata, jika itu tidak memadai, negara berkenaan dibom secara berterusan dalam usaha memaksa pemimpinnya membenarkan pihak antarabangsa memeriksa negaranya mengakibatkan lebih ramai rakyat yang tidak bersalah terkorban.

"Nampaknya tindakan menjadikan rakyat sesebuah negara itu kelaparan dan

membunuh mereka tidak termasuk dalam pelanggaran hak asasi mereka.

"Kematian orang lain yang mungkin tidak bersalah juga dianggap kurang penting berbanding kebebasan seseorang untuk menentang," katanya.

Sedangkan, kata Perdana Menteri, kerajaan melaksanakan undang-undang untuk melindungi rakyat yang tidak bersalah serta menghalang penunjuk perasaan melakukan keganasan, melontar batu dan membakar kedai.

"Bagaimana untuk melindungi pekedai dan penjaja sekiranya pelaksanaan undang-undang gagal," ujarnya.

(END)